

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 40

Kenapa unit PPR di Sarawak lebih mahal?

KUCHING 15 Sept. - Kerajaan Persekutuan masih belum menerima maklum balas daripada kerajaan negeri Sarawak berkenaan harga rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dijual dengan harga lebih tinggi berbanding di Semenanjung.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata, beliau telah meminta kerajaan negeri supaya menyelaras harga rumah berkenaan ketika melawat negeri itu sebelum ini.

Zuraida berkata, harga rumah PPR di Semenanjung adalah sekitar RM42,000 sebuah namun harga rumah yang sama di Sarawak adalah kira-kira 10 peratus lebih mahal.

"Tidak logik apabila kita buat rumah dengan harga itu, kemudian harga itu dinaikkan, kemudian duit itu dia simpan... ini tidak betul. Tujuan kita bina rumah ini adalah untuk keperluan

rakyat. Apabila anda naikan lagi harga, akan menyusahkan lagi rakyat.

"Itu yang kita minta, tetapi hingga sekarang mereka belum lagi respon balik ke-

pada kementerian," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas lanjut mengenai perkara berkenaan, di sini hari ini.

Beliau sebelum itu mendedahkan perkara berkenaan ketika menyampai dalam Konvensyen Wanita Pakatan Harapan Sarawak, yang pertama kali diadakan, di sini hari ini.

Ditanya mengenai mesyuarat khas Kabinet yang diadakan semalam, Zuraida berkata antara lain, setiap kementerian dalam mesyuarat berkenaan diarahkan untuk membentangkan kertas kerja masing-masing bagi mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

"Kami sedang menyediakannya, bagi kemenerian kami memang tengah teliti lagi," katanya. -BERNAMA



ZURAIDA KAMARUDDIN